

**Terjemahan  
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir  
al-Qur'an  
Dengan  
al-Qur'an**

**Nota (9)**

**Surah al-Baqarah  
Ayat 142-167**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

Sesungguhnya (bukit) As-Shafa dan Al-Marwah adalah sebahagian dari syi'ar (ugama) Allah. Oleh itu, sesiapa yang mengerjakan Haji ke Baitullah atau mengerjakan "Umrah,<sup>245</sup> maka tiada apa-apa kesalahan kepadanya untuk bersa'i (berjalan dengan berulang-alik) di antara keduanya (dalam keadaan bertakbir dan bertahlil). Dan sesiapa yang mengerjakan sesuatu kebajikan dengan sukarela, maka sesungguhnya Allah Maha Menghargai kebajikan lagi Maha Mengetahui. [158].

Sesungguhnya orang-orang yang menyembunyikan apa yang telah Kami turunkan berupa keterangan-keterangan (yang jelas)<sup>246</sup> dan petunjuk, setelah Kami menerangkannya kepada manusia di dalam Kitab Suci,<sup>247</sup> mereka itu

---

<sup>245</sup> Kerja 'Umrah itu sama saja dengan kerja Haji. Semua amalan yang dilakukan dalam Haji dilakukan juga dalam 'Umrah kecuali berwuqf di 'Arafah.

<sup>246</sup> tentang kebenaran Nabi Muhammad s.a.w. sebagai penyudah sekalian nabi dan rasul.

<sup>247</sup> Kitab Suci yang dimaksudkan di sini ialah Kitab Taurat. Banyak sekali kebenaran tentang Nabi Muhammad s.a.w. dan ajaran yang dibawanya disembunyikan mereka. Hakikat ini telah didedahkan oleh Allah pada firmanNya di dalam Surah al-An'aam berikut:

وَمَا قَدْرُوا اللَّهُ حَقًّا قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّنْ شَيْءٍ فَلَمْ مَنْ أَنْزَلَ الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَى نُورًا وَهُدًى لِلنَّاسِ تَعْفَلُونَهُ وَتَخْفَفُونَ كَثِيرًا وَعَلِمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا مَا بَأْوَكُمْ فِي أَنَّ اللَّهَ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ يَلْعَبُونَ ﴿٦﴾

Bermaksud: Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya ketika mereka berkata: "Allah tidak menurunkan sesuatu apapun kepada manusia." Bertanyalah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu): Siapakah yang menurunkan Kitab (Taurat) yang dibawa oleh Nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia, kamu jadikan kitab itu lembaran-lembaran kertas yang bercerai-berai, kamu perlihatkan (kepada orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan sebahagian besarnya; sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya), yang tidak diketahui olehmu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk moyangmu? Katakanlah (kepada mereka): "Allah jualah (yang menurunkannya), kemudian (sesudah kamu menyampaikan Al-Quran kepada mereka), biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya. (al-An'aam:91).

dila`nati Allah dan dila`nati (pula) oleh semua (mahluk) yang dapat mela`nati.<sup>248</sup> [159].

kecuali mereka yang telah bertaubat, memperbaiki (amalan mereka) dan menerangkan (kebenaran yang mereka sembunyikan), maka orang-orang itu Aku terima taubatnya, dan Akulah Yang Maha Menerima taubat lagi Maha Mengasihani. [160].

Sesungguhnya orang-orang kafir dan mereka mati dalam keadaan kafir, mereka itulah orang-orang yang mendapat la`nat Allah, para Malaikat dan manusia seluruhnya.<sup>249</sup> [161].

---

<sup>248</sup> Dikatakan di sini bahawa mereka dila`nati Allah dan dila`nati juga oleh semua (mahluk) yang dapat mela`nati. Siapakah semua (mahluk) yang dapat mela`nati itu secara tepat dan jelas tidak disebutkan. Tetapi ia di sebutkan dengan tepat dan jelas di dalam ayat 161 selepas ini. Mereka adalah para malaikat dan manusia seluruhnya.

<sup>249</sup> Dikatakan di sini bahawa mereka dila`nat oleh manusia seluruhnya, di manakah seluruh manusia mala`natnya? Di duniakah atau di akhirat?? Kalau dikatakan di dunia, maka kenyataan tidak menunjukkan begitu. Terutamanya orang-orang kafir yang seagama, tentu sekali mereka tidak mela`nati satu sama lain biarpun setelah ia meninggal dunia. Jelas sekali berdasarkan firman Allah, apa yang tersebut itu berlakunya di akhirat. Lihat firman Allah berkenaan di bawah ini:

وَقَالَ إِنَّا أَخْتَدْنَا مِنْ دُونِ اللَّهِ أُوْثَنَا مَوْذَةً بَيْنَكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ثُمَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُ بَعْضُكُمْ بِعَصْبَىٰ وَيَأْلِعُ  
بَعْضُكُمْ بَعْضًا وَمَا أُولَئِكُمُ الظَّارِفُونَ مَمَّا لَكُمْ مِنْ تُصْرِيبَنَ ﴿٦﴾

Bermaksud: Dan dia (Nabi Ibrahim) berkata pula (kepada kaumnya): “Perbuatan kamu menyembah berbagai berhala, tidak menyembah Allah itu, hanyalah kerana menjaga hubungan kasih mesra di antara kamu masing-masing dalam kehidupan dunia ini; kemudian pada hari kiamat kelak sebahagian kamu akan membantah sebahagian yang lain, dan sebahagian kamu pula akan melaknatkan sebahagian yang lain; dan (kesudahannya) tempat kembali kamu ialah neraka, dan kamu tidak akan beroleh sesiapapun yang dapat memberikan pertolongan.” (al-`Ankabuut:25).

قَالَ أَذْخُلُوا فِي أَنْفُسِكُمْ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنْ أَجْنِينَ وَالْإِنْسِ فِي الْكَارِ كُلُّنَا ذَخَلْنَا أَنْفُسَهُمْ حَتَّىٰ إِذَا آذَرْنَا  
فِيهَا جِيَعًا قَاتَ أَخْرِنَهُمْ لَا أُولَئِمْ رَبَّنَا هُؤُلَاءِ أَضْلَلْنَا فَقَاتَاهُمْ عَذَابًا ضَعِيفًا مِنَ الْكَارِ قَالَ لِكُلِّ ضَعِيفٍ وَلِكُنْ لَا  
تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

Bermaksud: Allah berfirman: “Masuklah kamu ke dalam neraka bersama-sama umat-umat yang terdahulu daripada kamu, dari (kalangan) jin dan manusia.” Tiap-tiap satu umat yang masuk, mengutuk (mela`nat) akan saudaranya (golongannya sendiri); hingga apabila mereka semua berhimpun di dalamnya, berkatalah golongan yang akhir mengenai golongan yang pertama di antara mereka: “Wahai Tuhan kami,

خَلِدِينَ فِيهَا لَا يُعْنِفُ عَنْهُمُ الْعَذَابُ وَلَا هُمْ يُنْظَرُونَ ﴿١﴾ إِنَّهُمْ أَنْجَلُوا  
 إِلَيْهِمُ الْحُكْمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهٌ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿٢﴾ إِنَّهُمْ أَنْجَلُوا  
 إِلَيْهِمُ الْحُكْمُ وَالنَّهَارُ وَالنَّهَارُ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْجَلَ اللَّهُ مِنِ السَّمَاءِ مِنْ  
 مَّا إِعْنَاءَ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ ﴿٣﴾ وَتَصْرِيفُ الْإِيجَارِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
 لَا يُنْبَتُ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٤﴾ وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنَّهَا دِرْيَةٌ يُبَيِّنُونَهُمْ كُجُبِ اللَّهِ وَالَّذِينَ آمَنُوا أَشَدُ حُبَّاً لِلَّهِ وَلَوْ  
 يَرَى الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذَا يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ إِلَهٌ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَيْءُ الدُّرُّدَابِ ﴿٥﴾ إِذَا تَبَرَّأَ الَّذِينَ أَتَبَعُوا مِنَ الَّذِينَ  
 أَتَبَعُوا وَرَأَوْا الْعَذَابَ وَتَقَطَّعَتْ بِهِمُ الْأَسْبَابُ ﴿٦﴾ وَقَالَ الَّذِينَ أَتَبَعُوا لَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَتَبَرَّأُ مِنْهُمْ كَمَا تَبَرَّأُوا مِنَاهُ  
 كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ أَعْمَالَهُمْ وَمَا هُمْ بِخَيْرٍ جِينٌ مِنِ النَّارِ ﴿٧﴾

Mereka kekal di dalam la`nat itu; tidak akan diringankan azab sengsara dari mereka dan tidak (pula) mereka diberi tempoh kelonggaran.<sup>250</sup> [162].

Dan Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Esa; tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.<sup>251</sup> [163].

mereka inilah yang telah menyesatkan kami; oleh itu berilah kepada mereka azab seksa yang berlipat ganda dari (azab) neraka.” Allah berfirman: “Kepada masing-masing dari kamu disediakan (azab seksa) yang berlipat ganda tetapi kamu tidak mengetahui.” (al-A`raaf:38).

<sup>250</sup> Kerana Allah telah berfirman:

هَذَا يَوْمٌ لَا يَنْطَقُونَ ﴿١﴾ وَلَا يُؤْذَنُ لَهُمْ فَيَعْتَذِرُونَ

Bermaksud: Ini adalah hari, yang mereka tidak dapat berbicara (pada hari itu). (35) Dan tidak diizinkan kepada mereka minta uzur sehingga mereka (dapat) minta uzur. (36). (al-Mursalaat:35-36).

Allah juga telah berfirman:

يُعْرَفُ الْمُجْرِمُونَ إِبْسِيَّتُهُمْ قَيْوَخْدُ بِالْتَّوْصِيِّ وَالْأَقْنَامِ ﴿٨﴾

Bermaksud: Orang-orang yang berdosa dikenal dengan tanda-tandanya, lalu dipegang ubun-ubun dan kaki mereka. (ar-Rahman:41)

<sup>251</sup> Seruan tauhid yang tersebut di dalam ayat-ayat seperti inilah yang tidak difahami dan ditolak serta ditentang oleh orang-orang musyrikin Mekah dahulu sehingga mereka berkata seperti digambarkan oleh Allah di dalam firmanNya ini:

أَجَعَلَ اللَّهُمَّ إِلَهَهَا وَحْدَهَا إِنَّ هَذَا لَشَنِيُّ عَجَابٌ ﴿٩﴾ وَانظُلْنَى اللَّهُمَّ مِنْهُمْ أَنْ أَمْشُوا وَأَصْبِرُوا عَلَى مَا قَرِئْتُمُّ إِنَّ هَذَا لَشَنِيُّ

بِرَادُ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya pada penciptaan langit-langit dan bumi,<sup>252</sup> silih bergantinya malam dan siang,<sup>253</sup> bahtera-bahtera<sup>254</sup> yang berlayar di lautan membawa

---

Bermaksud: Patutkah dia (Muhammad) menafikan tuhan-tuhan yang berbilang itu dengan mengatakan: Tuhan hanya Satu? Sesungguhnya ini adalah suatu perkara yang sangat menakjubkan!

Dan (ketika itu) keluarlah ketua-ketua dari kalangan mereka (memberi peransang dengan berkata): "Jalan teruslah kamu! Dan tetap tekunlah menyembah tuhan-tuhanmu! Sebenarnya (sikap) ini adalah suatu perkara yang amat dikehendaki. (6). (Shaad:5-6).

<sup>252</sup> Tidak diterangkan di sini kenapakah terdapat tanda-tanda dan bukti-bukti yang jelas bagi keesaan Allah dan kekuasaanNya pada penciptaan langit-langit dan bumi. Tetapi ia dapat dilihat dengan jelas pada beberapa firman Allah di bawah ini:

أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاوَاتِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَرَزَيْنَاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ ⑤ وَالْأَرْضَ مَدَدَنَاهَا وَأَنْقَتَنَا فِيهَا رَوْسَى وَأَثْبَتَنَا  
فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ⑥ تَبَصَّرَةٌ وَذُكْرٌ لِكُلِّ عَبْدٍ مُنِيبٍ ⑦

Bermaksud: (Kalaularah mereka menyangka Kami tidak berkuasa mengembalikan mereka hidup semula) maka tidakkah mereka memperhatikan langit di atas mereka, bagaimana Kami membina dan menghiasinya (dengan bintang-bintang) dalam keadaan tidak ada padanya retak-renggang? (6)

Dan bumi, Kami hamparkannya, dan Kami letakkan padanya gunung-ganang yang teguh, serta Kami tumbuhkan padanya segala jenis tanaman yang indah pemandangannya? (7)

(Kami adakan semuanya itu) untuk menjadi pengajaran dan peringatan (yang menunjukkan jalan kebenaran), kepada tiap-tiap seorang hamba Allah yang mahu kembali kepadaNya (dengan taat dan berbakti). (8). (Qaaf:6-8).

أَلَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ طِبَاقًا مَا تَرَى فِي خَلْقِ الْأَرْضِ مِنْ نَّقْوَتٍ فَأَنْجِعَ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ⑧ ثُمَّ أَرْجِعَ  
الْبَصَرَ كَرَتِينَ يَنْقِلِبُ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِقًا وَهُوَ حَسِيرٌ ⑨ وَلَقَدْ رَبَّنَا أَلْسُنَاهُ اللَّذِينَ يُمَصِّبُونَ  
وَأَعْنَدُنَا لَهُمْ عَذَابَ السَّعِيرِ ⑩

Bermaksud: Dialah Tuhan yang telah menciptakan tujuh petala langit yang berlapis-lapis; engkau tidak dapat melihat pada ciptaan Allah Yang Maha Pengasih itu sebarang keadaan yang tidak seimbang dan tidak munasabah; (jika engkau ragu-ragu) maka ulangilah pandanganmu, dapatkah engkau melihat sebarang kecacatan? (3)

Kemudian ulangilah pandanganmu berkali-kali, nescaya pandanganmu itu akan berbalik kepadamu dengan hampa (daripada melihat sebarang kecacatan), sedang dia pula berkeadaan lemah lesu (kerana habis tenaga dengan sia-sia). (4).

Dan demi sesungguhnya! Kami telah menghiasi langit yang dekat (pada penglihatan penduduk bumi) dengan bintang-bintang dan Kami jadikannya peluru yang merejam syaitan-syaitan dan Kami sediakan untuk mereka azab neraka yang menjulang-julang. (5) (al-Mulk:3-5).

هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُّا مِنْ رِزْقِهِ وَإِلَيْهِ الْشُّورُ ⑪

Bermaksud: Dialah (Tuhan) yang telah menciptakan bumi mudah untukmu. Oleh itu jelajahilah seluruh pelosoknya dan makanlah rezeki yang telah dikurniakanNya; dan (ingatlah), kepadaNya jua kamu akan dibangkitkan kembali dan dipulangkan. (al-Mulk:15).

<sup>253</sup> Tidak diterangkan di sini kenapakah terdapat tanda-tanda dan bukti-bukti yang jelas bagi keesaan Allah dan kekuasaanNya pada silih bergantinya malam dan siang. Dan untuk apa pula ia diadakan? Tetapi ia dijelaskan pada beberapa tempat lain di dalam Al-Qur'an. Antaranya ialah:

فَلْ أَرَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الَّيْلَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ مَنْ إِنَّ اللَّهَ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيَكُمْ بِضَيْاءً أَفَلَا تَسْمَعُونَ ⑥  
أَرَيْتُمْ إِنْ جَعَلَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الظَّهَارَ سَرْمَدًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ مَنْ إِنَّ اللَّهَ غَيْرُ اللَّهِ يَأْتِيَكُمْ بِلَيْلٍ تَشْكُونَ فِيهِ أَفَلَا  
تُبَصِّرُونَ ⑦ وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ الَّيْلَ وَالظَّهَارَ لِتَشْكُونَ فِيهِ وَلَتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ⑧

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan malam kepadamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan manakah selain Allah yang dapat membawakan sinar terang kepadamu? Maka mengapa kamu tidak mahu mendengar (secara memahami dan menerima kebenaran)?

Katakanlah lagi: Bagaimana fikiran kamu jika Allah menjadikan siang kepadamu tetap selama-lamanya hingga ke hari kiamat; tuhan manakah selain Allah yang dapat membawakan malam kepadamu untuk kamu berehat padanya? Maka mengapa kamu tidak mahu melihat (dalil-dalil dan bukti keesaan dan kekuasaan Allah)? (72)

Dan di antara rahmat pemberianNya, Dia menjadikan untukmu malam dan siang (silih berganti) supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurniaNya dan juga supaya kamu bersyukur. (73). (al-Qashash:71-73).

وَجَعَلْنَا الَّيْلَ وَالظَّهَارَ مَاءِيتَيْنِ ۝ فَمَحَوْنَا مَاءِيَةَ الَّيْلِ وَجَعَلْنَا مَاءِيَةَ الظَّهَارِ مُبَصِّرَةً لِتَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ وَلَتَعْلَمُوْ عَدَدَ  
السَّيِّئَاتِ وَالْحِسَابَ ۝ وَكُلُّ شَيْءٍ ۝ فَصَلَّنَاهُ تَفْصِيلًا ⑨

Bermaksud: Kami jadikan malam dan siang itu dua tanda (yang membuktikan kekuasaan kami), Kami jadikan malam gelap-gelita, dan Kami jadikan siang terang-benderang supaya kamu (mudah) mencari rezeki dari limpah kurnia Tuhanmu dan supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan hitungan hisab (bulan dan hari) dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu (yang kamu perlukan untuk dunia dan agamamu), telah Kami terangkan (dalam Al-Quran) dengan sejelas-jelasnya. (al-Israa':12).

<sup>254</sup> Bahtera-bahtera adalah terjemahan bagi perkataan الفلك. Di dalam Al-Qur'an ia digunakan sebagai mufrad (kata tunggal) dan juga jama' (kata jama'). Di sini perkataan الفلك digunakan sebagai kata jama'. Sementara pada firman Allah di dalam Surah Huud pula sebagai contohnya ia telah digunakan sebagai mufrad. Lihat ayatnya di bawah ini:

وَاصْبِرْ عَلَى الْفَلَكِ يَأْعِينُنَا وَوَحِنْتَا وَلَا تُخَاطِنِي فِي الَّذِينَ ظَلَمُوكُمْ إِنَّهُمْ مُغْرِقُونَ ⑩

Bermaksud: Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami dan dengan panduan wahyu Kami (tentang cara membuatnya) dan janganlah engkau merayu kepadaKu untuk menolong kaum yang zalm itu, kerana sesungguhnya mereka akan ditenggelamkan (dengan taufan). (Huud:37).

muatan yang berguna kepada manusia, dan (pada) apa yang Allah turunkan dari langit berupa air,<sup>255</sup> lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah matinya<sup>256</sup> dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, juga (pada) peredaran angin

---

<sup>255</sup> Di dalam Al-Qur'an air (hujan) seringkali dikatakan diturunkan dari langit. Ibarat ini perlu sekali difahami dengan baik, kerana Al-Qur'an sendiri pada beberapa tempat yang lain menyebutkan dengan terang bahawa ia turun dari awan. Di dalam ayat 164 ini pun terdapat isyarat kepadanya, iaitu pada firman Allah: **وَتَصْرِيفُ الرَّبِيعَ وَالسَّخَابِ** (الْمَسْخَرُ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ) (juga pada peredaran angin dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi). Adapun ayat yang terang mengenai air hujan itu diturunkan dari awan, dapat dilihat pada dua ayat Al-Qur'an yang dikemukakan di bawah nota: 255 selepas ini. Penggunaan perkataan "langit" di dalam ayat ini kalau begitu perlulah difahami dengan ma'na bahasanya semata-mata, iaitu segala apa yang terdapat pada ruang di atas kita.

<sup>256</sup> Di tempat yang lain Allah menerangkan dengan lebih jelas lagi tentang bagaimana bumi yang mati dan kering kontang itu menjadi hidup dan subur dengan turunnya air hujan. FirmanNya:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثَ فَإِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِّنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ مِّنْ مُضْغَةٍ مُّخْلَقَةٍ  
وَغَيْرِ مُخْلَقَةٍ لِّتَبْيَنَ لَكُمْ وَنَقْرُ في الْأَرْضَ مَا نَسَأَ إِلَى أَجْلٍ مُّسَمٍّ ثُمَّ تُخْرِجُنَا شَدَّدَنَا وَمِنْكُمْ  
مَّن يُتَوَقَّ وَمِنْكُمْ مَّن يُرَدُّ إِلَى أَرْذِلِ الْأَعْمَرِ لِكِنَّا لَيَغْلَمُ مِنْ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْقًا وَتَرِي الْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْهَا  
آتَاهُنَّا أَهْنَاثَ وَرَبَّتْ وَأَثْبَتْ مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَيْعَ ()

Bermaksud: Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari sekutul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatiakan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menimpanya, bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai. (al-Hajj:5).

dan awan yang dikendalikan di antara langit dan bumi,<sup>257</sup> sesungguhnya (pada semua itu) terdapat bukti-bukti yang jelas (tentang keesaan Allah dan kekuasaanNya) bagi orang-orang yang berfikir. [164].

(Walaupun demikian), di antara manusia ada orang-orang yang menyembah sekutu-sekutu yang lain dari Allah; mereka menyintainya sebagaimana mereka menyintai Allah. Tetapi orang-orang yang beriman amat sangat cintanya kepada Allah. Dan andainya orang-orang yang zalim<sup>258</sup> itu mengetahui ketika

---

<sup>257</sup> Di sini tidak disebut bagaimana ia dikendalikan, tetapi pada beberapa tempat lain disebutkan kaifiat dan cara-caranya. Antaranya ialah pada dua firman Allah ini:

وَهُوَ اللَّهِ الْرَّبُّ يُرِسِّلُ الْرِّيحَ بُشْرًا يَنْذِرُونَ رَحْمَةً حَتَّىٰ إِذَا أَقْلَتْ سَحَابَاتِهِ نِقَالًا سُقْنَاهُ لِبَلِدٍ مَّيِّتٍ فَأَنْزَلَنَا بِهِ الْمَاءَ فَأَخْرَجْنَا

بِهِ مِنْ كُلِّ الْفَمَرَاتِ كَذَلِكَ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٤٧﴾

Bermaksud: Dan Dialah (Tuhan) yang menghantarkan angin sebagai pembawa berita yang menggembirakan sebelum kedatangan rahmatnya (iaitu hujan), hingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halakannya ke negeri yang mati (ke daerah yang kering kontang), lalu Kami turunkan hujan dengan awan itu, kemudian Kami keluarkan dengan air hujan itu berbagai-bagai jenis buah-buahan (dan tanam-tanaman). Demikianlah pula Kami mengeluarkan (menghidupkan semula) orang-orang yang telah mati, supaya kamu mengambil pelajaran (daripadanya). (al-A`raaf:57).

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يُزَجِّي سَحَابَاتِهِ ثُمَّ يُؤَلِّفُ بَيْتَهُ، ثُمَّ يَجْعَلُهُ، رُكَاماً فَتَرَى الْوَدْقَ يَخْرُجُ مِنْ خَلْلِهِ، وَيَنْزَلُ مِنْ الْسَّمَاءِ مِنْ جِبَالٍ فِيهَا مِنْ بَرَدٍ قَيْصِبُّ يِدِهِ مَنْ يَشَاءُ وَيَضْرِفُهُ وَعَنْ مَنْ يَشَاءُ يَكَادُ سَنَا بَرِيقَهُ يَذْهَبُ إِلَيْهِ بَصَرِهِ ﴿٤٨﴾

Bermaksud: Tidakkah engkau melihat bahawa Allah mengarap awan, kemudian mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian menjadikannya tebal berlapis-lapis? Lalu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya dan Allah (juga) menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; maka Dia menimpa hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan memalingkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan. (an-Nuur:43).

<sup>258</sup> Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang zalim di sini ialah orang-orang kafir. Buktinya ialah ayat 167 selepas ini disudahi dengan firman Allah: وَمَا هُنْ بِخَرِّيجِينَ مِنَ النَّارِ (dan mereka tidak sekali-kali akan keluar dari neraka). Firman Allah ini menunjukkan mereka adalah orang-orang kafir. Kerana orang-orang yang beriman tidak akan kekal di dalam neraka. Selain itu, menurut Al-Qur'an kekufuran dan kesyirikan juga merupakan salah satu bentuk kezaliman. Malah ia dikatakan kezaliman yang sangat besar. Beberapa firman Allah dengan jelas menyebutkan demikian. Antaranya ialah ketika Allah membenarkan nasihat Luqman kepada anaknya melalui firmanNya ini: